

07/12/1997

PM jumpa Presiden Ghana

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan selama 45 minit dengan Presiden Ghana, Jerry Rawlings yang berada di negara ini untuk bercuti.

Pertemuan di antara kedua-dua pemimpin itu diadakan di sebuah pusat peranginan terkemuka di utara pulau peranginan terbabit.

Terdahulu, Dr Mahathir turut bertemu Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang yang meluangkan masanya melawat Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97) yang berakhir hari ini.

Pertemuan kedua-dua pemimpin itu, yang tidak dimasukkan dalam jadual rasmi atur cara Perdana Menteri, diadakan di chalet Kerajaan Malaysia di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC), tempat berlangsungnya bahagian udara Lima 97.

Ketika ditemui, Lim berkata, beliau hanya memaklumkan pandangan dan kebimbangan DAP mengenai masalah ekonomi yang dialami ketika ini, khususnya dalam tempoh beberapa hari lalu.

"Kami bertukar-tukar pendapat mengenai masalah ekonomi negara, dan memberitahu Perdana Menteri mengenai pandangan kami mengenai masalah terbabit," katanya ketika ditemui di MIEC, semalam.

Ditanya mengenai pengumuman Anwar kelmarin, Lim berkata, DAP menyokong usaha terbaru kerajaan itu tetapi sedikit kesal kerana ia dilaksanakan beberapa bulan terlalu lewat.

"Ia seharusnya diumumkan bersama langkah lain ketika Belanjawan 98 dibacakan oleh Anwar, Oktober lalu," katanya.

(END)